



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA
BERSAMA DR WAN KHAIRY BIN WAN IBRAHIM
USAHAWAN SARANG BURUNG WALET**

OLEH:

NUR SYAFIKA BINTI HASAN	(2020982961)
SITI NUR SUZAINIE BINTI ROSMI	(2020975279)

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – JULY 2021)**

**TRANSKRIP WAWANCARA
BERSAMA DR WAN KHAIRY BIN WAN IBRAHIM
USAHAWAN SARANG BURUNG WALET**

OLEH:

**NUR SYAFIKA BINTI HASAN (2020982961)
SITI NUR SUZAINIE BINTI ROSMI (2020975279)**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2021 – JULY 2021)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah, pertama sekali ingin kami panjatkan kesyukuran kehadiran ilahi kerana dengan izin dan rahmat kurnianya kami berjaya menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Dalam proses menyiapkan tugas ini, memang tidak dapat dinafikan kami menghadapi beberapa kekangan sebelum mulanya proses menemubual tokoh. Namun dengan berkat kesabaran dan istiqamah, semua masalah yang kami hadapi dapat kami tempuhi dengan jayanya.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan mencurahkan ilmu kepada kami semua untuk menyiapkan projek ini.

Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim kerana tanpa kerjasama beliau, tugas ini tidak dapat kami siapkan dengan jayanya. Kami juga ingin berterima kasih kepada Dr Wan Khairy kerana telah memberi ruang dan peluang untuk kami mendokumentasikan hasil dan jasa sumbangan beliau selama ini kepada negara.

Akhir kata, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada ibubapa kami yang telah banyak memberi sokongan dan pandangan dalam menjayakan tugas ini begitu juga rakan seperjuangan.

Sekian Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	iv
Isi Kandungan.....	v
Abstrak.....	vi
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	viii
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1-4
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....	5-6
Bahagian 3: Pekerjaan Awal.....	7-10
Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya.....	11-17
Bahagian 5: Usahawan Sarang Burung Walet.....	17-24
Bahagian 6: Sumbangan.....	25-26
Bahagian 7: Harapan.....	27-33
Rujukan.....	34
Lampiran	
Log Wawancara.....	35-41
Diari Kajian.....	42
Senarai Soalan.....	43-49
Surat Perjanjian.....	50
Gambar.....	51-53
Indeks.....	54-55

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah diantara kami dengan Dr Wan Khairy Wan Ibrahim atau nama gelarnya Wan Damak iaitu merupakan seorang tokoh Usahawan Sarang Burung Walet di Kelantan dimana beliau ini adalah seorang usahawan yang berpengalaman, berilmu dan berkemahiran. Wawancara ini dijalankan di rumah masing-masing dengan menggunakan platform Google Meet. Sesi wawancara ini telah dijalankan pada hari Jumaat 25 Jun 2021 pada pukul 9.00 pagi. Temubual ini berkisarkan tentang latar belakang Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim dan pengalaman beliau mula menceburi dalam bidang usahawan sarang burung walet. Selain itu, tentang pengalaman beliau dalam mengerah keringat membantu mencurahkan pengalaman dan ilmu yang ada kepada individu yang berminat dalam bidang ini. Dalam proses temubual ini berlangsung, kami dapat mengetahui tentang selok-belok dugaan yang terpaksa dihadapi beliau dalam memartabatkan usahawan sarang burung walet ini supaya tidak ditelan zaman.*

Kata kunci: *Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim, usahawan sarang burung walet, pengalaman, Wan Damak, Burung Walet*

Abstract: *This interview is between us with Dr Wan Khairy Wan Ibrahim or his nickname Wan Damak is a figure of Swallow Bird's Nest Entrepreneur in Kelantan where he is an experienced, knowledgeable and skilled entrepreneur. These interviews were conducted in each home using the Google Meet platform. This interview session was conducted on Friday 25 June 2021 at 9.00 am. This interview revolves around the background of Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim and his experience in starting to venture into the field of swallow nest entrepreneurs. In addition, about his experience in sweating helps to impart the experience and knowledge available to individuals who are interested in this field. In the process of this interview, we were able to find out about the intricacies of the allegations he faced in elevating this swallow's nest entrepreneur not to be swallowed by time.*

Keywords: *Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim, swallow nest entrepreneur, experience, Wan Damak, Swallow*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Wan Khairy Bin Wan Ibrahim
Umur : 45 Tahun
Tarikh Lahir : 25 Oktober 1976
Tempat Lahir : Gersing Raub, Pahang
Tempat Tinggal Sekarang : 1400 Kg Lubuk Chekok, 1700 Pasir Mas, Kelantan
Bilangan adik-beradik : 5 orang
Nama Ibu : Saudah Binti Mamat
Nama Ayah : Wan Ibrahim Bin Wan Ismail
Status : Berkahwin
Nama Isteri : Zurina Binti Ismail
Bilangan Anak : 4 orang
Bidang : Usahawan Sarang Burung Walet
Pengajian terakhir : Doktor Falsafah (PhD)
No/Hp : 017-978....

PENGENALAN

PENGENALAN

Tokoh yang dipilih untuk ditemuramah ialah Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim. Dr Wan Khairy adalah seorang usahawan sarang burung walet yang sangat dikenal di negara ini. Selain itu, beliau dikenali oleh jabatan-jabatan veterinar, organisasi swasta dan kerajaan dan juga institut pengajian kerana usahawan beliau telah mendapat kepercayaan oleh pihak tersebut dan produk beliau juga selalu ditempah oleh pihak tersebut. Hal ini kerana hasil usahawan yang dibuat oleh Dr Wan Khairy sangat berbeza dengan usahawan daripada pihak yang lain.

Untuk pengetahuan, Dr Wan Khairy juga merupakan satu-satunya usahawan sarang burung walet yang masih bergiat aktif dalam negara ini. Hal ini dibuktikan melalui temubual yang telah dijalankan. Melalui perkongsian pengalaman dan sumbangan ini, ia telah banyak mendedahkan akan kepentingan menguruskan sarang burung walet supaya dapat dikekalkan dan tidak ditelan zaman.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang seorang usahawan iaitu Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim, sebagai usahawan sarang burung walet. Rakaman ini telah dijalankan pada 25 Jun 2021. Berikut adalah hasil rakaman.

PETUNJUK:

DWK :DR WAN KHAIRY

SNS :SITI NUR SUZAINIE

NS :NUR SYAFIKA

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

SNS : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang usahawan sarang burung walet. Bersama-sama kami ialah Dr Wan Khairy Wan Ibrahim yang merupakan seorang Usahawan Sarang Burung Walet dari tahun 2010 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 25 Jun 2021 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 9 pagi secara atas talian dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh saya Siti Nur Suzainie Rosmi dan kawan saya Nur Syafika Hasan. Untuk pengetahuan Dr, kami mempunyai *tujuh* [7] bahagian soalan sepanjang tempoh temubual ini. Bahagian pertama adalah latar belakang Dr. Boleh kami tahu apakah nama penuh Dr?

DWK : [baca doa] Terima kasih kepada Siti Nur Suzainie dan Nur Syafika. Jadi saya okay *je* [sahaja] dapat mesej kata nak buat *interview* [temubual] nak tanya berkaitan dengan industri sarang burung walet. Jadi sebab saya secara langsung pun terlibat dalam bidang ini, sebagai pengkaji usahawan dan sebagainya. Jadi soalan pertama tadi tanya apa nama penuh saya ye? Nama penuh saya ialah Wan Khairy Wan Ibrahim. Berusia *empat puluh lima tahun* [45]. Kemudian saya ada nama panel ya. Nama panel saya ataupun nama dalam bidang industri ini, saya dikenali sebagai Wan Damak.

SNS : **Nama panggilan ke? Nama gelaran Dr?**

DWK : Nama gelaran saya Wan Damak.

SNS : **Dr, saya nak tanya Dr dibesarkan dimana?**

DWK : Oh, nak tanya dibesarkan. Lahir *tokse* [tak nak]. Dibesarkan [ketawa]. Dia lahir dulu baru besar [gelak kecil]. Saya dilahirkan di *Pehey* [Pahang] Kampung Gersing, Raub, Pahang. Kemudian saya membesar di *Kelate* [Kelantan] di Pasir Mas, Kelantan. Saya ... jadi itu lah *close ended questions* [soalan tertutup].

SNS : **Boleh kami tahu apakah hobi Dr?**

DWK : Saya ini hobi saya kalau orang tanya sebagai seorang pendidik, orang tanya hobi *cliche* [lapuk] orang dengar baca buku. Tapi saya selain baca buku itu wajib sebenarnya sebab kita nak tahu banyak benda. Kita kena baca, tapi sebenarnya cara belajar ini bukan dengan baca sahaja. Kita boleh belajar dengan mengembara, dengan pesaing, dengan kita – kita *expose* [dedahkan] dengan perbualan dan sebagainya lah. Jadi saya selain daripada hobi membaca *ni* [ini], saya suka *outdoor* [aktiviti luar]. Antara banyak aktiviti luar ini saya suka *birdding* [melihat burung] itu antara hobi yang saya suka sebab saya suka memerhati burung. Kalau burung

terbey [terbang] saya tengok dan saya suka melihat dan berfikir disitu lah mungkin lahirnya minat untuk mendalami bidang burung ini.

SNS : Okay kalau macam itu cita-cita Dr dulu nak jadi apa? Ke memang usahawan dah?

DWK : [gelak kecil] saya sebab *background* [latar belakang] saya orang kampung. Jadi cita-cita ini berubah *sokmo*[selalu]. Kalau bagi *cliche* [lapuk] budak *jate* [lelaki] jadi askar, polis tapi saya *takdok* [tak ada] cita-cita itu. Saya kalau orang tanya nak jadi apa, saya nak jadi pemain badminton termasyhur. Begitu lah cita-cita saya. Tapi saya tak pandai main badminton, tapi saya nak suruh bunyi *sedak* [menarik] [gelak kecil]. Tapi sebenarnya saya, cita-cita *tu* [itu] kita temui apabila kita meningkat dewasa cita-cita berubah setiap hari. Apabila kita kecil cita-cita berubah setiap hari. Tapi *last* [akhir] sekali, kita kenal lah. Tapi saya *mostly* [kebanyakannya] peringkat pertama saya lebih suka menjadi seorang pendidik sebab saya suka bercakap kemudian nak jadi penulis. Kemudian nak jadi penceramah dan akhirnya baru terlibat dengan bidang bisnes.

SNS : Bolehkah kami tahu siapakah nama ibu Dr?

DWK : Oh nama, nama mak ialah Saudah Binti Mamat.

SNS : Kalau nama bapa Dr?

DWK : Wan Ibrahim Wan Ismail.

SNS : Dr, ada berapa adik-beradik?

DWK : Saya ada *lima* [5] orang adik beradik. Saya anak yang *ketiga* [3] dan lelaki *kedua* [2] eh lelaki yang *pertama* [1]. Ada *dua* [2] orang lelaki, saya anak lelaki yang *pertama* [1] kemudian saya ada *seorang* [1] adik lelaki.

SNS : Boleh kami tahu, siapa pula nama pasangan Dr?

DWK : Nama isteri saya ke? Nama isteri saya ialah Zurina Binti Ismail.

SNS : Isteri Dr itu sekarang kerja apa?

DWK : Sekarang ini dia *fully* [sepenuhnya] terlibat selain daripada sebagai suri rumah. Dia juga ada berniaga kosmetik, barang kosmetik kecantikan.

SNS : Dr ada berapa anak?

DWK : Saya ada *empat* [4] orang anak. *Tiga* [3] lelaki dan *seorang* [1] perempuan.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

SNS : **Boleh kami tahu, dimanakah Dr memulakan pendidikan awal?**

DWK : Okay. Saya belajar di Sekolah Rendah Banggol Chicha. Kemudian sekolah rendah Banggol Chicha ini dekat Pasir Mas. Itu sekolah – masa itu orang lain *gi* [pergi] tadika tapi saya pergi *bidas* [melastik] burung. Jadi tak pergi tadika lah. Kemudian sekolah menengah di Sekolah Menengah Sultan Ibrahim II.

SNS: : **Masa peringkat menengah, Dr aktif dok [tak]? Macam contoh pernah *join* [sertai] kelab ke sukan ke?**

DWK : Saya dulu banyak sertai dan saya pernah mewakili *Kelate* [Kelantan] dulu silat olahraga. Selepas itu ada lah sertai berdebat sekali dua. Macam *hungga* [lari] *tokleh* [tak boleh] *slow* [perlahan]. Main bola pun tak pandai [gelak kecil].

SNS : **Bilakah Dr tamat belajar sekolah menengah?**

DWK : Sekolah menengah saya pada *tahun sembilan belas sembilan puluh* [1990] SPM (Sijil Pelajaran Malaysia). STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) – saya ada cerita sikit, selepas saya SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) keputusan saya kurang cemerlang sebab saya bukan pelajar yang cemerlang sangat. Saya pelajar biasa *jah* [je] berbanding dengan awak ini, awak lebih cemerlang daripada saya. SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) saya dapat pangkat masa itu, pangkat *dua* [2] *soseh* [hampir] sama ada boleh masuk tingkatan *enam* [6] rendah atau tingkatan *enam* [6] atas. Jadi masa itu, saya rasa *takleh* [tak boleh] *gi* [pergi] *enam* [6] rendah sebab apa benda dah tak kredit saya tak ingat dah. Jadi tak cukup lah, masa itu umur saya *tujuh belas* [17] tahun. Saya pergi cari duit dulu, saya *kijo* [bekerja] dekat Singapura. Selepas itu, saya kumpul duit dan balik sini saya ambil belajar secara persendirian. Kemudian saya ambil *perikso* [peperiksaan] STPM (Sijil Tinggi Pelajaran

Malaysia). Alhamdulillah dapat *lima* [5] P baru boleh pergi ke USM (Universiti Sains Malaysia).

SNS : Kiranya lepas belajar persendirian Dr terus sambung USM (Universiti Sains Malaysia)?

DWK : Haa lepas saya dapat STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) *lima* [5] P iaitu *lima* [5] principal. Baru saya ke USM (Universiti Sains Malaysia) dan saya ambil kos ilmu kemanusiaan. Pada *tahun sembilan belas sembilan puluh tujuh* [1997] saya di sana. Kemudian saya *graduated* [lulus] *degree* [ijazah sarjana muda] pada *tahun dua ribu satu* [2001]. Kemudian saya buat *master* [ijazah sarjana] pada *tahun dua ribu tiga* [2003]. Kemudian saya keluar sebagai seorang pensyarah. Saya pergi mengajar di Sunway University College. Selepas itu, saya mengajar di Masterskill University College. Kemudian saya buat PhD, pada usia *tiga puluh tujuh tahun* [37]. *Tiga* [3] tahun saya siapkan PhD, baru saya masuk jadi seorang penceramah dalam bidang burung walet.

SNS : Kenangan manis Dr dekat universiti, ada ke?

DWK : Kenangan manis saya semasa dekat universiti ini, saya lebih kepada menulis. Saya banyak menulis sajak. Selepas itu, kenangan manis saya *nikoh* [berkahwin] dengan *bini* [isteri] saya [ketawa]. Saya habis belajar pada tahun *dua ribu* [2000] masa *tu* [itu] saya tak bekerja lagi, saya berkahwin dulu [gelak kecil]. Kami sama-sama berusaha dulu, bukan kerja dulu baru kahwin [gelak].

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PEKERJAAN AWAL

SNS : Soalan pertama saya, adakah Dr mempunyai pekerjaan awal setelah tamat pengajian?

DWK : Okay, macam saya bagitahu tadi. Saya mula bekerja sebagai pensyarah di *private* [peribadi] *college* [kolej] pada *tahun dua ribu empat* [2004]. Masa itu, saya bekerja di Sunway University di Ipoh. Kemudian *tiga* [3] tahun saya di sana, saya bekerja di Masterskill University College di Cheras. Jadi masa di Cheras ini, ada satu perkara menarik ialah saya ada bakat menulis dan saya ada bakat mencipta lagu. Jadi masa saya di universiti, di Masterskill College ini diaorang *takde* [tiada] lagu kolej. Apabila tiada lagu kolej, budak-budak daripada Sabah dan Sarawak ini diorang suka menyanyi. Kemudian naik bas rombongan pergi mana-mana nyanyi lagu *kokse* [sesuka hati]. Jadi saya pada satu masa itu, saya megiringi mereka. Jadi saya tanya lah, *you all* [awak semua] tiada lagu kolej ke? Kemudian diorang jawab tiada. Patut lah semasa dalam perjalanan itu, diaorang tak bernyanyi pun lagu kolej. Kita kan kalau macam lagu universiti kan mesti kita nyanyi sebab nak menunjukkan kita ini pelajar universiti. Saya pun telefon ke pendaftar, saya tanya Masterskill takde lagu ke? Pendaftar jawab takde, dia suruh saya buat *satu* [1] lagu untuk kolej. Kemudian saya kata okay boleh. Saya pun buat lah lagu itu dan saya tulis lagu itu. Dan sampai sekarang saya masih lagi ingat lagu itu sebab saya kan yang tulis lagu itu. Dan apabila *end of the year* [akhir tahun], pihak Masterskill pun *impress* [kagum] dengan saya punya kerja dan dia bagi bonus yang banyak masa itu bagi saya. Tak pernah saya dapat duit sebanyak itu. Jadi di situ lah idea yang saya terlibat dengan sarang burung walet.

SNS : Saya nak tahu, adakah pekerjaan itu menjadi minat kepada Dr?

DWK : Dia *meme* [memang] lah kita kerja mula-mula itu, kadang kita *sauk* [rembat] sahaja kerja apa. Kerja pertama kita jangan memilih kerja sebab kita nak pengalaman. Lagipun masa itu saya mohon dengan master, jadi saya dapat lah

jawatan pensyarah. Tapi kita ada master *ni* [ini] jadi *in between* [di antara] orang nak lantik kita *boss* [bos] kita takde PhD, orang nak lantik kita pekerja bawahan kita ada master. Jadi kita macam *duk* [duduk] kat tengah, orang jadi *serbo* [serba] salah nak bagi jawatan apa. Jadi emm – tapi sebab saya minat jenis minat burung, masa saya mula dapat duit satu jumlah yang besar sampai banyak bulan gaji lah. Maka di situ lah saya mula buat *research* [penyelidikan] saya mula baca dan saya mula timbul idea untuk nak bina rumah burung.

SNS : Berapa banyakkah pekerjaan yang Dr pernah lalui?

DWK : Oh banyak. Kalau nak cerita *krijo* [kerja] ini. Dulu saya pernah kerja sebagai buruh di Singapura selama *enam* [6] bulan. Masa untuk daripada lepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) sampai ke nak ambil STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) saya pergi cari kerja, boleh duit dalam *tiga ribu* [RM3000]. Selepas itu, bayar yuran dalam *lima ratus* [RM500] dan sebagainya dan ambil *perikso* [peperiksaan] persendirian. Kemudian lepas dapat universiti, saya kerja jual komputer pun ada anak patung pun ada. Kerja biasa lah kerja sambilan dan saya juga ada kerja dekat kilang di Penang. Saya juga ada kerja jadi guru sandaran dan *technician* [juruteknik] komputer pun ada sebab saya suka komputer. Jadi wartawan pun ada sebab saya menulis, jadi *cameraman* [juru kamera] pun ada. Macam-macam lah saya buat kerja *ni* [ini], semua kerja sambilan saya buat *belako* [belaka]. Jadi hmm – Cuma kerja yang betul dan sesuai dengan saya masa itu ialah mengajar lah. Jadi saya mula dapat kerja tetap di Sunway College, di sana saya mula fokus kepada kerja itu lah.

SNS : Kiranya pekerjaan yang Dr paling minat seorang pengajar ke?

DWK : Nak kata minat sebenarnya [berfikir] saya lebih suka menulis [ketawa]. Saya pernah tulis buku, banyak buku yang saya tulis tapi takpe lah kerja pensyarah pun boleh menulis juga kan [gelak kecil].

SNS : Kenapa Dr memilih pekerjaan tersebut sebagai minat? Macam contoh menulis tadi?

DWK : Kalau saya, sebab menulis ini bagi saya proses saya berfikir dan proses saya memahami sesuatu isu, proses saya mengembangkan minda saya dan daripada sana dulu pada peringkat awal ini internet terlalu lambat tidak meluas sangat. Jadi kalau nak guna sumber bacaan pun kita kena baca buku. Jadi proses baca buku itu saya suka, menjadikan kita rasa *mace* [macam] banyak benda yang kita tahu itu *satu* [1]. Yang *kedua* [2] ialah menulis ini proses kita mencerna balik apa yang kita baca. Jadi begitu lah sebab saya dulu ambil kos ilmu kemanusiaan jadi saya mentafsir alam lah. Saya mentafsir burung terbang, mentafsir orang berjalan, mentafsir percakapan orang, mentafsir reaksi muka orang dan tengok bunga pun boleh tulis sajak yang *panjey* [panjang]. Begitu lah, saya rasa itu lah bakat saya dikembangkan dan kreativiti saya datang daripada penulisan sebenarnya.

SNS : Bolehkah kami tahu siapakah yang tawarkan pekerjaan itu kepada Dr?

DWK : Pekerjaan yang mana satu ye?

SNS : Yang sebagai penyelidik, yang part time [sambilan] tadi.

DWK : Oh, banyak kerja *tu* [itu]. Saya pernah bekerja dengan USM [Universiti Sains Malaysia] sebagai pembantu penyelidik, sebagai *web designer* [pereka web], sebagai wartawan itu saya bekerja dengan Jabatan Penerangan Pulau Pinang semasa ada SUKMA (Sukan Malaysia) di Penang saya wartawan untuk *cover* [penutup] berita SUKMA (Sukan Malaysia). Jadi itu kira kerja sambilan antara yang saya ingat lah, banyak *seribu satu* [1001] kerja saya buat.

SNS : **Banyak lah kan pengalaman Dr?**

DWK : Nak cerita pasal kerja tak habis. Jual *duye* [durian] pun ada, jual kek jual dan jual bunga. *Mace* [macam] kerja saya buat dulu [gelak kecil].

SNS : **Berapakah gaji yang paling banyak Dr dapat masa itu?**

DWK : Masa saya bekerja dulu [berfikir] kalau saya mula dengan kerja sebagai pensyarah la ye mudah sikit, kalau kerja awal kan gaji tak tetap. Kalau gaji pensyarah pada masa itu dalam *empat ribu enam ratus* [RM4600]. Pada tahun *dua ribu empat* [2004]. Saya ada sedikit perancangan yang ringkas lah, saya kata kalau saya berumur *dua puluh* [27] tahun saya nak gaji *dua ribu tujuh ratus* [RM2700]. Kalau umur *dua puluh lapan* [28] gaji *dua ribu lapan ratus* [RM2800] [gelak kecil] masa itu impian kecil sahaja. Umur *tiga puluh* [30] gaji saya *tiga ribu* [RM3000]. Tapi sekarang ini kita tak boleh guna dah benda *tu* [itu] sebabnya kita tak boleh cakap begitu, kita kena – masa itu kita dapat *tiga ribu* [RM3000] rasa banyak sangat dah. Tapi sebenarnya kita boleh capai lebih banyak lagi daripada itu. Kita kena – nak bermimpi pun takut gaji, kita mimpi gaji *dua puluh ribu* [RM20000] *tiga puluh ribu* [RM30000] segan takut tapi sebenarnya mimpi tak kena bayar pun [ketawa]. Sebab dengan ada impian baru kita buat benda itu jadi betul, kalau kita kata umur *tiga puluh* [30] gaji *tiga ribu* [RM3000] kita kata sikit sangat dan kecil sangat impian. Jadi kita kena tanam impian besar, maknanya perbuatan kita tak mustahil nak dapat *lima puluh ribu* [RM50000] *seratus ribu* [RM100000] sebulan, okay takde masalah. Jangan kita takut untuk bermimpi.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA

SNS : Bolehkah saya tahu apakah perkerjaan Dr pada masa sekarang?

DWK : Sekarang ini saya terlibat dalam bidang *consultant* [perunding] rumah burung walet. Saya terlibat sebagai pengeluar produk burung sarang walet. Ini produk saya [tunjuk produk]. Kemudian saya buat *consultant* [perunding] dan menjual sarang burung walet. Saya sekarang fokus kepada bidang sarang burung walet dan saya lebihkan fokus kat situ. Jadi saya masuk *innovation* [inovasi] dalam bidang kajian burung walet.

SNS : Bagaimanakah Dr boleh melibatkan diri dalam menguruskan bidang sarang burung walet itu?

DWK : Okay, kalau nak cerita pasal penglibatan saya. Macam saya bagitahu tadi, peringkat awal apabila saya dapat bonus daripada Masterskill bayar saya hasil daripada tulis lagu itu. Masa itu jumlah banyak [berfikir] bagi saya, dalam *tujuh puluh ribu* [RM70000] satu jumlah yang besar bagi saya masa itu. Jadi masa itu, saya mula berfikir dengan skala yang besar. Biasanya gaji kita dalam *lima ribu* [RM5000]. Jadi kita boleh *achieve* [capai] *that* [itu] *amount* [jumlah] *of* [daripada] *salary* [gaji]. Kita rasa boleh capai gaji banyak ini, jadi itu antara rangsangan pertama saya untuk dapat duit banyak [gelak kecil]. Sebelum ini kita dapat gaji yang kecil je itu pun dah tepuk tangan [tepuk tangan] rasa suka dah. Tapi bila orang dah bagi kita duit jumlah yang banyak, rupanya kita ini ada *value* [nilai] dan kita baru kenal *value* [nilai] kita bakat kita. Maka saya berfikir *special* [istimewa] saya ini. Jadi daripada sana, baru lah saya buat *research* [penyelidikan] saya buat kajian mengenai rumah burung. Jadi membina rumah burung tadi, maka siap dalam tahun *dua ribu lapan* [2008]. Baru lah saya jadi usahawan sarang burung walet. Jawab *dok* [tidak] soalan tadi itu? [ketawa].

SNS : **Bilakah Dr menceburi bidang usahawan ini secara langsungnya?**

DWK : Saya [berfikir] *dua ribu enam* [2006] atau *dua ribu lapan* [2008] saya mula masuk sebagai usahawan dan *dua ribu sepuluh* [2010] baru saya terlibat dengan bidang *consultant* [perunding]. *Dua* [2] tahun apabila saya buat rumah burung. Kemudian saya bermula sebenarnya dengan saya buat rumah burung dulu apabila saya buat rumah burung, saya pun menulis blog sebab hobi saya kan suka menulis. Jadi saya buat macam diari, hari ini saya buat apa, esok saya buat apa, kajian saya buat apa, saya macam buat catatan dalam blogspot. Jadi apabila macam itu, saya tak sangka sebab kita dari peringkat awal industri masa itu bahan bacaan *kure* [kurang]. Jadi bila bahan bacaan kurang ramai yang pergi baca blog saya itu ramai, maka ramai yang bagi komen yang positif dekat blog itu. Diaorang cakap bagus lah *you* [awak] kongsi pengalaman dan cerita apa yang awak buat. Ada seorang itu cakap *why* [kenapa] *not* [tidak] *you* [awak] buat ceramah. Saya pun mula buat ceramah, kemudian lepas buat ceramah itu, orang tanya saya takde nota ke? Saya cakap kat blog saya ada nota. Diorang cakap susah macam itu *better* [baik] *you* [awak] buat *satu* [1] buku and tulis satu buku. Saya pun *compile* [menyusun] semua isi yang ada kat blog itu maka terhasil lah satu buku yang bertajuk “Panduan Rinci Perladangan Burung Walit” [tunjuk buku]. Ini ialah buku pertama yang dalam Bahasa Melayu di alam melayu yang ditulis oleh saya dan buku ini menjadi satu kitab penting bagi usahawan melayu pada ketika dahulu sebab buku lain dari bahasa Mandarin, Inggeris dan Indonesia. Jadi buku pertama dalam Bahasa Melayu ialah buku saya, maka daripada buku ini lah saya terlibat dalam bidang ceramah dan sebagainya. Selepas itu, kawan saya cakap kalau saya ada pangkat Dr lagi bagus dan lagi orang *confident* [yakin] dengan saya *why* [kenapa] *not* [tidak]. Maka saya pun sambung PhD, saya bawa buku saya pergi jumpa *supervisor* [penyelia] di UMK (Universti Malaysia Kelantan). Dia *impress* [kagum], dia cakap kali pertama orang yang nak buat PhD bawa buku. Biasanya orang nak buat PhD dia *mari* [datang] nak hasilkan buku tapi awak datang dah ada buku, dia cakap awak temui jalan senang lah untuk buat PhD. Sepanjang saya buat PhD selama *tiga* [3] tahun ini [tunjuk tesis]. *Enam ratus enam puluh* [660] *something* [sesuatu] dalam bidang usahawan sarang burung walet. Jadi bila dah ada PhD dapat Dr ini, baru lah saya ada buku

yang *kedua* [2] iaitu “Strategi Pengurusan Rumah Burung Walet” [tunjuk buku] tapi itu lah [gelak kecil] saya lebih fokus kepada *training* [latihan] dan penghasilan sarang burung walet.

SNS : Adakah Dr mendapat dorongan dari mana-mana pihak?

DWK : Dorongan itu sebenarnya ada banyak tapi sebenarnya dorongan itu ia *mari* [datang] setelah kita buat. Maksudnya kita mencetuskan idea itu datang daripada kita. Bukan cetusan idea itu datang daripada orang lain, kemudian orang itu yang menyokong nanti. Tentu sekali lah *orang rumah saya* [isteri], mak saya, keluarga dan anak-anak memang mendorong lah. Kemudian kalau dari pihak *government* [kerajaan], Jabatan Veterinar banyak memberi saya peluang untuk bagi ceramah. Dalam masa *dua* [2] tahun itu, dia jemput saya untuk bagi ceramah dengan konsisten dalam bidang burung walet supaya bagi ceramah seluruh Malaysia.

SNS : Bolehkah kami tahu, bilakah Dr mula minat dengan bidang usahawan sarang burung walet?

DWK : Saya mula minat macam saya cakap tadi, sebenarnya bermula dari zaman sekolah. Saya seorang yang suka berfikir, masa saya tingkatan *tiga* [3] saya belajar sejarah. Ada seorang *cikgu* [guru] saya nama dia Cikgu Norma, saya sebut nama dia. Dia mengajar tentang sejarah Gua Niah, Gua Mulu, Gua Madai dan saya belajar sub-sub etnik di Sabah dan Sarawak. Maka pada waktu itu, kita suka *bidas* [melastik] burung, bermain *kot* [kawasan] kampung *darat* [jakun] lah. Semasa dia cerita tentang budaya Sabah Sarawak, ada satu mereka makan sarang burung yang berharga *dua ribu tiga ratus* [RM2300] semangkuk. Bagi saya benda itu pelik sebab dekat sarang burung ada najis ada *taik* [tahi] dan sebagainya. Bagi saya benda itu pelik dan mengganggu fikiran saya macam mana sarang burung boleh makan. Jadi ia membuatkan saya selalu berfikir perkara itu tapi saya nak buat *research* [penyelidikan] tak tahu maklumat. Dekat *kelate* [Kelantan] kita tak ada gua jadi kita tak boleh *imagine* [bayangkan] macam mana dengan bahan bacaan dan internet

semua tak ada. Jadi menimbulkan tanda tanya dalam fikiran saya macam mana sarang burung boleh dimakan. Jadi hingga lah satu masa, saya tonton *satu* [1] rancangan *tv* [televisyen] *tiga* [3] iaitu “Majalah 3”. Dia tunjuk satu aktiviti sub etnik kaum Adhan di Sabah yang mana memungut sarang burung walet di gua. Mereka naik dengan tangga dan turun dengan berkarung guni. Burung macam ini yang cikgu saya ceritakan dulu-dulu baru saya kaitkan yang cikgu cerita masa tingkatan *tiga* [3]. Maka terjawab lah pertanyaan saya masa tingkatan *tiga* [3] dulu, masa itu saya tingkatan *empat* [4] ke tingkatan *lima* [5] setelah saya tengok “Majalah 3”. Kemudian dulu saya balik dari universiti, saya balik dengan bas apabila balik dengan bas saya turun di stesen bas Pasir Mas masa itu awal pagi dalam pukul *empat* [4] pagi *lima* [5] pagi di dekat atas bangunan TNB (Tenaga Nasional Berhad) apabila awal pagi bunyi sangat bising [buat bunyi burung]. Saya macam tertanya bunyi apa yang bising sangat awal pagi orang nak *bey* [azan] subuh. Saya tengok kat atas ingat kan kelawar rupanya burung *layey* [layang] burung walet dan di situ lah saya tahu yang burung walet bukan sahaja bersarang di gua malah dekat bangunan pun bersarang. Lepas itu, saya mula berjalan *lenggok* [mendongak] sebab nak tengok burung terbang [ketawa]. Jadi saya mula buat *survey* [tinjauan] nak buat rumah burung maka masa itu Jabatan Perhilitan buat *training* [latihan] di Jeli. Saya pergi di Jeli dia ajar macam mana cara nak buat sarang burung tapi masa itu saya tak ada duit sebab kos nak bina rumah burung dalam *dua ratus ribu* [RM2000] *tiga ratus ribu* [RM3000] ketika itu. Saya berminat nak bina rumah burung dulu tapi saya benamkan hasrat sehingga lah saya dapat bonus tadi dan inilah peluang saya untuk bina rumah burung. Disitu lah peluang saya untuk bina rumah burung setelah saya dapat token ataupun daripada pihak Masterskill dengan hasil saya menulis lagu kolej. Menarik cerita saya boleh buat novel [ketawa].

SNS : Boleh saya tahu, siapakah yang bekerjasama dengan Dr semasa mendirikan rumah sarang walet?

DWK : Saya [berfikir] adalah rakan-rakan saya cuma pada peringkat awal dalam bidang ini, saya *explore* [meneroka] sendiri. Saya sendiri pergi masuk melawat rumah burung tepi *jale* [jalan] dan kemudian pergi melawat rumah *saing* [kawan] yang ada rumah burung. Contohnya Haji Mat di Tumpat dia tok guru saya dia bekerja TNB (Tenaga Nasional Berhad) ada rumah burung dan ada juga kawan saya daripada Bachok yang terlibat dengan rumah burung ini. Jadi Jabatan Veterinar dan Jabatan Perhilitan memang bagi bekerjasama. Cuma *design* [reka bentuk] rumah burung itu saya buat sendiri dan siap semua baru saya panggil kawan saya untuk *mari* [datang] tengok. Tapi *meme* [memang] banyak pengalaman dan mahal pengalaman bina rumah burung itu sebab banyak benda yang kita buat *try* [cuba] *and* [dan] *error* [ralat] pada peringkat awal.

SNS : Apakah pandangan keluarga Dr, mengenai kerjaya Dr pada masa sekarang?

DWK : *So far* [setakat ini] alhamdulillah. Kita sebenarnya kalau *ore tuo* [ibu bapa] dia nampak kita *duduk* [tinggal] okay tak buat perangai boleh *pero* [jaga] anak dan isteri semuanya tak jadi masalah. Dia tak *demand* [permintaan] banyak sangat janji kita penuhi *gapo* [apa] *hok* [yang] *bui* [bagi] kat dia. *Beres* [okay] tak ada apa mak saya pun tiada menghalang saya nak buat apa janji benda itu baik.

SNS : Berapakah pendapatan kasar Dr pada masa sekarang?

DWK : Pendapatan tak banyak kasar sangat lah [senyum] nak saya cerita *figure* [angka] ke? Tak payah lah saya dalam golongan biasa *jah* [sahaja]. Selain daripada pendapatan sebagai kerja hakiki, saya buat produk. Kemudian saya jadi penceramah, zaman sekarang penceramah pun teruk sebab PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) [nyanyi lagu]. Jadi saya tak terlibat sangat cuma saya ada buat *online training* [latihan dalam talian] tapi itu sekadar nak bina *network* [rangkaian] sahaja.

Tapi setakat ini, pendapatan dalam bidang bisnes sekarang ini banyak bergantung kepada sarang burung walet dan penghasilan produk. *Training* [latihan] agak terbantut, penjualan pun okay sebab baru diperkenalkan dalam masa *satu* [1] bulan [tunjuk produk]. Kemudian buku-buku ini okay [tunjuk buku] tak dianggap sebagai sumber pendapatan sangat sebab peringkat awal dulu okay dan cuma loyalti *satu* [1] tahun. Jadi setakat ini dalam kategori bukan B40 (Bottom 40%) atas sedikit dari B40 (Bottom 40%) [ketawa]. Tapi tak masuk kategori T20 (Top 20%) mungkin M20 (Middle 40%) [gelak kecil].

SNS : Soalan terakhir daripada saya, sebelum kawan saya meneruskan. Bagaimanakah untuk menjadi pakar dalam bidang usahawan sarang burung walet?

DWK : Nak jadi pakar *gapo* [apa] kena rajin. Pertama nak jadi pakar atau mahir, kita kena berdo'a dulu. Saya antara do'a saya sampai sekarang saya berdo'a [baca do'a]. Yang kedua kita kena berusaha, berdo'a dulu baru berusaha sebab kita kena *check in* [daftar masuk] dulu dengan *tuhe* [Tuhan] baru kita buat kerja. Berdo'a ini kita umpama *thumbprint* [cap ibu jari] dengan Tuhan. Lepas itu, baru kita berusaha biasa lah kita kena ikut perkembangan semasa, kena buat *research* [penyelidikan], kita kena rajin berfikir maknanya kita kena bijak mengaitkan sesuatu perkara dengan perkara yang lain dan kena *participate* [ikut serta] dengan macam-macam *training* [latihan] orang lain. Penting ialah kena bergaul dengan kelompok yang betul sebagai contoh kalau kita orang burung walet kena berkawan dengan orang burung walet, kalau kita orang burung walet pergi berkawan dengan orang *nego* [berniaga] ayam jadi tak masuk dengan kelompok kita. Jadi yang penting kelompok itu, macam saya sebab saya ada sumbangan [tunjuk buku] maka orang lain bukan mereka tak pakar tapi tak ada sumbangan dan mereka tak menulis. Jadi apabila mereka *mati* [meninggal] tak ada sumbangan mereka. Kalau kita nak hidup lama seperti kata Imam Al-Ghazali "kalau awak nak hidup lama, awak kena menulis sebab masa awak meninggal buku awak tulis masih lagi ada" orang masih ingat lagi. Dan juga dengan menulis membuat umur kita panjang dan kita sentiasa hidup.

SNS : Seterusnya, saya serahkan sesi temubual ini kepada kawan saya iaitu Nur Syafika Hasan.

DWK : Okay

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: USAHAWAN SARANG BURUNG WALET

NS : Assalamualaikum Dr, seterusnya saya ambil alih sesi temubual ini ke bahagian seterusnya. Untuk bahagian seterusnya ialah usahawan sarang burung walet. Soalan pertama saya, adakah Dr mempunyai rumah burung walet sendiri?

DWK : Ya, saya ada rumah burung walet sendiri. Ada *satu* [1] di Pasir Mas dan ada yang saya selia di Gua Musang pun banyak.

NS : Berapa banyak rumah burung walet yang ada *loni* [sekarang]?

DWK : Yang saya ada *satu* [1] di Pasir Mas dan yang saya selia banyak dekat Gua Musang. Yang saya selia itu macam saya jaga dan bagi nasihat banyak yang itu sebab bidang kita.

NS : Adakah Dr menyewa bangunan untuk dijadikan rumah burung walet itu?

DWK : Oh, saya *tak* [tidak] sewa. Saya buat sendiri dan bina atas tanah sendiri. Yang saya selia dalam *tiga puluh lima* [35] buah dekat Gua Musang.

NS : Berapa orang pekerja yang Dr ada sekarang?

DWK : Rumah burung walet ini tidak sama dengan *kijo* [kerja] *mugo* [benda] lain. Kita seorang pun dah cukup dan ada adik saya yang membantu saya dalam menguruskan rumah burung itu. Ia tak sama dengan kerja lain sebab rumah burung ini kita kena *kokok* [kikis] sarang burung.

NS : Berapa banyakkah hasil sebulan yang Dr dapat?

DWK : [berfikir] nak *oyak* [cakap] macam mana ya, boleh lah kita kata dalam *average* [purata] *lapan* [8] hingga *sepuluh* [10] kilogram.

NS : Keuntungan setahun Dr berapa?

DWK : *Kali* [darab] dengan *tiga ribu* [RM3000]. Maksudnya sebulan dalam *tiga puluh* [30] lebih kurang macam itu. Ataupun dalam *lapan belas* [18] atau *dua puluh* [20] hingga *tiga puluh* [30] sebulan begitu lah lebih kurang keuntungan orang buat rumah burung. Selepas itu, darab dengan *dua belas* [12] bulan.

NS : Dimanakah Dr memproses sarang burung walet?

DWK : Sarang burung walet ini ada beberapa peringkat. *Pertama* [1] kita boleh proses, ia dipanggil proses jual. Yang *kedua* [2] kita jual yang mentah sahaja, kita jual yang *raw unclean* [bahan yang belum diproses] iaitu harga dalam *tiga ribu* [RM3000] atau *tiga ribu lima ratus* [RM3500] *satu* [1] kilogram kalau yang itu. Jadi biasanya tidak cukup bekalan – kalau baca *paper* [surat khabar] semalam, dalam surat khabar Sinar Harian tentang permintaan sarang burung di negara China masih lagi stabil dan tidak ada masalah.

NS : Dimanakah Dr memasarkan sarang burung walet itu?

DWK : Kita jual sarang burung ini secara berkelompok, biasanya kita jual di *mache* [Machang] dekat pusat jualan. Ataupun di Gua Musang dan ada juga orang datang beli sendiri.

NS : Di luar negeri ada?

DWK : Sebab kita ini pengeluar sarang burung, bila kita nak eksport jadi ia memerlukan sijil yang ketat. Kita tak boleh nak jual *direct* [langsung], sebagai contoh kalau kita nak jual sarang burung ke negara China kena melalui CNCA (Certification and Accreditation Administration of the People's Republic of China) *satu* [1] badan kerajaan dari negara China iaitu badan untuk menapis apa produk yang nak masuk ke negara mereka. Jadi bukan sebarang orang boleh jual sarang burung ataupun ada *exhibition* [pameran] yang kecil orang lain buat tapi saya tak terlibat. Saya hanya jual yang *raw* [mentah] yang masih belum dibersihkan kepada pihak pemborong dan mereka yang akan membersihkan kemudian mereka ada sijil dan baru boleh eksport ke negara China, Taiwan, Hong Kong dan sebagainya.

NS : Siapakah pelanggan utama Dr?

DWK : Pelanggan ini kita kena tengok pengguna. *Consumer* [pengguna] lebih kepada orang Cina, sarang burung ini *nature* [semulajadi] orang Cina daripada negara China. Tapi kalau sarang burung yang mentah ini lebih kepada pemborong Cina itu yang pertama. Kalau *local* [tempatan] ini lebih kepada kilang-kilang kosmetik. Mereka akan beli dan mereka gunakan untuk penghasilan produk kosmetik atau air minuman dan sebagainya.

NS : **Bagaimanakah rumah burung walet itu boleh berkembang?**

DWK : Emm, bagaimana dia berkembang? Rumah burung walet ini – soalan berkembang ini kena tengok saya tak faham soalan berkembang. Rumah burung walet berkembang itu industri dia berkembang ke rumah burung walet itu membesar?

NS : **Rumah burung walet [senyum].**

DWK : *Pertama* [1] kita kena faham nak bina rumah burung ini, kita kena tengok pada lokasi yang ada burung walet baru boleh bina rumah burung sebab petua nak bina rumah burung ini ialah bina di kawasan tanah yang ada burung bukan di kawasan kita ada tanah. Jadi kita kena tengok tanah yang ada burung dulu baru kita boleh bina rumah burung. Dan ia bergantung kepada populasi sebab burung ini kita tidak bagi makan ia mencari sendiri jadi kalau populasi itu banyak sumber makanan baru kita boleh bina rumah burung. Jadi kalau nak bina berkembang rumah burung ini pertama tadi tengok lokasi banyak tak sumber makanan? Kalau ada banyak sumber makanan *feeding area* [kawasan makan] yang banyak atau besar baru kita boleh kembangkan rumah burung supaya populasi itu akan terus berkembang. Kalau kita bina rumah burung tanpa mengambil kira kawasan *feeding area* [kawasan makan] burung maka rumah *je* [sahaja] bertambah burung tidak bertambah.

NS : **Faham, apakah keunikan rumah burung walet?**

DWK : Keunikan rumah burung walet ini saya ada *maps* [peta] nak saya tunjuk ke? Saya *presented* [bentang] dekat *you all* [awak semua].

NS : **Boleh Dr.**

DWK : [menunjukkan contoh rumah burung walet] ini antara rumah walet yang saya bangukan. Keunikan rumah burung walet ialah yang ini *satu* [1] tingkat tapi yang saya buat *dua* [2] tingkat jadi rumah burung ini sebenarnya kita buat *based*

[berdasarkan] *on* [atas] habitat burung. Banyak kalau nak cerita tentang habitat burung ini, *first* [pertama] kita kena buat mengikut kesesuaian mikro habitat burung. Dalam kita memahami habitat burung kita kena tahu *tiga* [3] perkara kehendak burung atau haiwan iaitu makanan, pasangan dan tempat tinggal. Apabila kita cuba bina rumah burung kita cuba memenuhi benda itu. Maka apabila kita buat rumah, menyediakan tempat tinggal. Selain daripada itu suara [buat bunyi burung], makan dia cari sendiri. Jadi kita dah penuh *tiga* [3] benda itu. Jadi keunikan rumah burung berbeza dengan industri lain sebab kita tak perlu cari makan ia boleh cari makan sendiri. kita tak perlu bagi makan, ia cari makan sendiri. Boleh?

NS : Boleh. Soalan seterusnya bagaimanakah pengetahuan Dr mengenai kejayaan yang dicapai oleh Dr dalam bidang ini?

DWK : Maksudnya apa ya, bagaimanakah pengetahuan?

NS : Pengetahuan Dr mengenai prospek dalam bidang ini?

DWK : Prospek lah? Bidang burung walet ini mempunyai masa depan yang sangat cerah sebab burung walet hanya ada di Asia Tenggara sahaja tempat lain *takdok* [tiada]. Dan juga pengguna terbesar sarang burung walet ialah orang Cina. Dan orang Cina ini ialah salah satu kuasa dunia. Kenapa Cina menjadi kuasa dunia? Sebab penduduknya ramai penduduk paling ramai atas muka bumi orang Cina. Dan *laki* [lelaki] Cina juga paling ramai yang menggunakan sarang burung dan sarang burung ini hanya ada di Asia Tenggara. Jadi Nampak tak kita punya peluang, peluang kita besar maknanya kita dengan sumber yang ada di Asia Tenggara dan penduduk Cina yang bertebaran di seluruh muka bumi ada *Chinese town* [bandar Cina]. Kita pergi mana pun ada bandar Cina, di Eropah dan di Malaysia pun ada orang Cina, orang Cina merantau. Ini menjadikan produk sarang burung walet, produk yang boleh pergi ke mana-mana *area* [kawasan] di dunia tapi sumbernya daripada Asia Tenggara sahaja contohnya Malaysia, Indonesia, Thailand atau Indo-Cina. Nampak dia punya potensi sarang burung walet ialah merupakan salah satu

makanan termahal di dunia. Kalau *you* [awak] tengok dekat carian *pakcik google* [Google] tanya Google apakah *sepuluh* [10] makanan termahal. Akan keluar burung walet makanan antara nombor *satu* [1] dan nombor *tiga* [3] termahal di dunia. Sebab permintaan yang tinggi, orang-orang adalah terhad dan mempunyai khasiat yang tinggi contohnya sarang burung walet ini sangat bagus untuk orang yang mempunyai penyakit asma dan penyakit yang berkaitan dengan pernafasan, jantung dan pemulihan sistem imunisasi badan. Dan jugak berkaitan dengan awet muda ini adalah rahsia terbesar mengenai khasiat sarang burung walet. Orang Cina suka makan sarang burung kerana ada mitos pada zaman Dinasti Ming kalau tak silap saya. Kerajaan Cina boleh menyatukan seluruh negara China maka raja Cina dia jadi *besar palo* [sombong] tak nak mati apabila terjadi perkara tersebut maka dia mengarahkan pengikut untuk mencari satu ubat yang boleh menjadikan dia hidup untuk selamanya. Maka ada seorang pengikutnya telah membuat kajian idea bagaimana perubatan tradisional yang boleh memanjangkan usia dan menjumpai di Pulau Borneo bahawa sarang burung walet boleh memanjangkan usia. Sebab itu, negara China amat kaya dengan perubatan tradisional tamadun mereka telah mengamalkan dari zaman dulu lagi. Maka bangsawan dan ketua raja telah mengangkat makanan itu sebagai makanan *forbidden city* [kota larangan], makanan orang kaya, makanan maharaja jadi ianya menjadi makanan istana, hanya golongan yang mewah sahaja boleh makan dan sampai sekarang harga sarang burung sangat mahal sebab ia telah digazetkan sebagai makanan istana dan makanan kota larangan. Jadi nak cerita kenapa sarang burung walet ini mempunyai potensi yang sangat cerah *satu* [1] sebab sudah ada sejarah industri yang panjang *kedua* [2] permintaan yang tinggi dan khasiatnya terbukti secara klinikal dan secara tradisional. Dan di Indonesia, Gua Madai, Gua Niah dan Gua Gemantong. Orang Cina *direct* [langsung] pergi beli dekat sana dan golongan Cina di istana pun sama sebab itu lah sarang burung jadi mahal. Panjang cerita sikit tentang potensi sarang burung dari segi kestabilan harga tiada masalah.

NS : Apakah peristiwa yang Dr tidak dapat lupakan mengenai rumah burung walet?

DWK : Di peringkat awal saya bina rumah burung, saya ada buat satu sistem iaitu Autosmart. Sistem ini macam saya biarkan rumah burung berfungsi sendiri tanpa saya jaga. Dan juga saya banyak menggunakan moto dan elektrik *setting* [tetapan] sebagainya sebab saya ada asas komputer. Jadi saya tak nak pantau rumah burung, saya buat *auto setting* [tetapan automatik] contohnya bila cukup masa kipas terpusing sendiri, apabila air penuh ia akan *stop* [berhenti], apabila panas air akan keluar. Jadi memang saya suka buat eksperimen apabila ada satu masa saya terlupa nak tutup paip maka air paip melimpah sehingga membasahi papan. Papan tersebut menjadi basah dan berkulat, apabila berkulat kita kena buka balik papan dan itu saya rasa kecuaiannya. Mula dari peristiwa itu, saya tak buat sistem automatik, saya banyak menggunakan sistem manual sebab *pertama* [1] elektronik ini ia sangat sensitif terhadap kelembapan sebab sarang burung walet memerlukan kelembapan tinggi sebanyak *lapan puluh lima* [85%] peratus. Elektronik yang lembap tidak bertahan sangat dan akan terjadi *shock* [renjatan] dan sebagainya. Rumah walet saya hampir hangus kerana berlaku renjatan elektrik menyebabkan wayar elektrik terbakar dan ini merupakan peristiwa yang memberi pengajaran kepada saya. Kemudian serangan musuh daripada burung hantu. Antara benda yang saya rasa kena cukup kuat kerana pada peringkat awal rumah sarang burung walet baru nak berkembang dengan anak yang terlalu banyak, tetapi masa tu saya belum pasang perangkap dan menyebabkan burung hantu bebas masuk. Masa tu saya tak jaga rumah burung selama *tiga* [3] bulan dan biarkan sistem automatik yang menyebabkan burung hantu menyerang. Apabila saya masuk ke rumah burung, saya agak terkejut melihat terlalu banyak bulu seperti boleh buat bantal [ketawa]. Jadi apabila burung hantu menyerang, burung walet menjadi *perit* [takut] maka akan lari. Untuk panggil masuk balik burung itu susah bukan *kaleng-kaleng* [mudah]. Itu antara cabaran yang saya hadapi dan saya terlalu *beringat* [waspada] benda macam itu.

NS : Adakah rumah burung walet mempunyai nama yang tersendiri?

DWK : Oh, rumah burung walet ialah RBW (Rumah Burung Walet) [ketawa].

NS : Apakah pengalaman bersama rumah sarang walet yang Dr ingat sampai sekarang?

DWK : *Hoktu* [yang itu] lah saya cerita tadi pengalaman diserang oleh burung hantu. Dan saya jatuh itu tidak pernah sebab saya buat sistem *so* [jadi] tiada masalah. [berfikir] yang itu sahaja pengalaman saya yang diserang oleh musuh.

NS : Berapa kerapkah Dr melawat rumah burung dalam masa sebulan?

DWK : Hmm daripada peringkat awal kita kena selalu pergi melawat sebab ia sensitif sebagai contoh dengan perubahan cuaca. Seminggu sekali pada peringkat awal, sekarang ini saya melawat dalam sebulan hanya *dua* [2] kali sahaja pergi tengok nak ambik sarang sebab kita dah ada sistem. Jadi sekarang kita dah tahu macam mana dan burung hantu pun takut nak masuk sebab kita sudah letak perangkap *electric shock* [renjatan elektik]. Burung hantu akan mati apabila masuk dalam perangkap itu, jadi saya tak ambil dan biarkan dekat situ supaya burung lain takut untuk masuk ke dalam rumah burung [ketawa]. Bunyi macam zalim tetapi sebab kita perangkap ia akan mati dan burung walet sudah berani untuk masuk balik ke dalam rumah burung tersebut.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

NS : **Apakah sumbangan Dr kepada keluarga?**

DWK : Sumbangan dari segi keluarga, saya jaga anak *bini* [isteri] saya jangan *bui* [bagi] lapar [gelak kecil]. Tapi sumbangan saya, saya rasa alhamdulillah dalam proses menurunkan ilmu kepada anak-anak saya supaya bila saya takde nanti mereka boleh menguruskan perniagaan ini.

NS : **Apakah sumbangan kepada ibu bapa Dr?**

DWK : Kalau macam *mak ayah* [ibu bapa] tanggungjawab juga bagi saya. Tapi *so far* [setakat ini] kita buat lah tanggungjawab kita sebagai seorang anak dan ahli masyarakat. Saya rasa sumbangan dari segi bidang burung walet ini kepada *family* [keluarga] saya rasa kita buat tanggungjawab kita kira okay lah tiada masalah. Cuma dari segi masyarakat, saya ada buat buku ini [tunjuk buku], saya buat *training* [latihan], saya buat *consultant* [perunding], saya buat perkongsian *live* [secara langsung]. Ini pun saya buat *interview* [temubual] dikira sebagai sumbangan juga kepada masyarakat, kepada *knowledge* [pengetahuan], kepada ilmu sarang burung walet. Itu sahaja yang saya mampu buat.

NS : **Adakah dengan memberi sumbangan kepada masyarakat ia dapat memberi kesan kepada pengusahaan Dr?**

DWK : Itu memang. Macam ini kita kena percaya kepada konsep sedekah. Sedekah ini datang dengan banyak perkara sumbangan ataupun kita berkongsi maklumat ilmu ini datang daripada Allah. Ilmu Allah ini meluas, jadi kita jangan kedekut untuk kongsi ilmu. Kalau kita berkongsi ilmu bandingan orang yang berkongsi ilmu umpama ada *satu* [1] perigi telaga, air telaga kalau kita jarang cebok akan jadi *kelodok* [kelodak] dan air menjadi keruh. Tapi zaman awak sekarang semua guna paip jadi jarang pakai gayung untuk cebok guna tali. Telaga kalau kita guna selalu ia tidak menjadi keruh malah akan menjadi semakin jernih sebab mata air selalu

keluar ganti dengan air baru. Jadi begitu lah ilmu, apabila kita berkongsi ilmu ia akan menjadi semakin jernih jelas. Ini konsep yang kita kena faham jangan pernah takut untuk berkongsi ilmu melainkan rahsia-rahsia perniagaan tidak perlu dikongsi contohnya anak kunci simpan kat mana, yang itu jangan bercerita dengan orang lain. Rahsia perniagaan itu lain ia tidak boleh dikongsi kerana *satu* [1] identiti perniagaan tapi ilmu-ilmu umum berkaitan dengan sarang burung walet, industri ini bagaimana dan sebagainya itu okay tiada masalah. Saya percaya kepada konsep apabila kita berkongsi rezeki akan semakin bertambah sebab sedekah ini salah satu cara untuk tambah rezeki lain.

NS : Apakah sumbangan Dr kepada negara?

DWK : Saya rasa, saya orang pertama yang buat PhD dalam bidang pengurusan rumah sarang burung walet. Apabila saya siap PhD, buku PhD yang tebal ini [tunjuk tesis]. Kemudian saya hantar, saya punya set kepada Jabatan Veterinar. Jadi pihak veterinar tahu rupanya ada pakar yang berkelayakan dalam bidang rumah burung walet di Malaysia. Maka mulai saat itu, dia hantar saya untuk pergi ceramah jadi itu sumbangan saya. Selain itu, saya telah pusing *satu* [1] Malaysia dalam menyebarkan ilmu rumah burung walet. Kemudian saya masuk *exhibition* [pameran] [tunjuk poster pameran] dan juga saya ada dapat beberapa pingat emas dan perak. *Design* [reka bentuk] tentang – saya juga orang pertama yang buat modul mengajar *training* [latihan] rumah burung walet, saya ada *sepuluh* [10] modul yang saya bangunkan untuk mengajar orang macam mana nak bina rumah burung walet. *Pertama* [1] modul berkaitan dengan pemilihan lokasi, berkaitan dengan mikro habitat, berkaitan *design* [reka bentuk] rumah burung, berkaitan dengan suara, berkaitan dengan musuh, berkaitan dengan penggunaan aroma, berkaitan dengan pendawaian dan cara jual sarang burung pun saya ajar. Proses – jadi lebih kurang ada *sepuluh* [10] modul yang saya telah bangunkan dan modul ini saya kongsi semasa *training* [latihan]. Jadi kalau nak anggap itu sebagai sumbangan boleh juga inshaa Allah.

TAMAT BAHAGIAN 6

BAHAGIAN 7: HARAPAN

NS : Apakah harapan Dr terhadap golongan masyarakat?

DWK : Kita nak mengharapkan harapan ini, harapan kita tidak boleh *selfish* [pentingkan diri] [ketawa]. Kita tidak boleh nak mengharapkan harapan itu orang suka kita. Harapan kita ialah mereka dapat meningkatkan hidup mereka dengan cara yang lebih baik, dapat meningkatkan taraf kualiti hidup dan kita nak semua orang kita ini maju. Jadi salah satu cara nak maju ialah boleh terlibat dalam bidang sarang burung walet ini lah. Kalau kena lokasi dan sebagainya terlibat ada modal boleh terlibat dalam bidang ini. Sebab ini pun salah satu bidang yang boleh dijadikan sumber pendapatan dan satu lagi dia hanya ada di Asia Tenggara. Saya sering beritahu, di dunia Islam ini Allah kurniakan paling tidak tiga emas. *Pertama* [1] kalau di - orang islam Allah kurniakan dilautan emas hitam iaitu minyak. Di daratan emas kuning, emas lah, emas mutu yang kita pakai. Di udara emas langit, itu air sarang burung. Jadi, kita orang islam sudah banyak emas, jadi nak gali emas, gali lah dimana-mana. Jadi, antara emas yang kita boleh gali di daratan. Jadi, harapan saya kalau nak buat rumah burung kena belajar dulu jangan main tiru, nak buat apa-apa belajar sungguh-sungguh, mendalami sungguh-sungguh, jangan orang lain buat, kita buat tanpa kita faham sebab buat dengan tak faham lebih rugi. Kita akan rugi sebab banyak kos bermanis sana, banyak kos *research* [kajian], orang dah buat kajian jadi kita gunakan hasil kajian mereka, gunakan pengalaman mereka. Jadi kita buat *start* [mula] di *level* [aras] yang lebih tinggi berbanding dengan level yang saya mula dahulu. Saya mula dengan *zero* [sifar], katakanlah saya mula dengan *zero*, sekarang ini saya ada *sepuluh* [10]. Jadi tuan-tuan tak payah *start* [mula] dengan sifar lagi, tuan-tuan boleh mula dengan *tujuh* [7]. Orang tadi mula dengan tujuh masuk *training* [latihan] saya, saya ajar *satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3], *empat* [4], *lima* [5], *enam* [6]. Jadi tuan bermula dengan *tujuh* [7], kemudian baru sampai *sepuluh* [10]. Lagi lebih pendek kan cara itu, maka saya mengharapkan sesiapa yang nak masuk rumah burung walet ini, nak *join* [sertai] industri kena pergi

latihan, baca buku, berkongsi, sertai kelompok yang betul Inshaa Allah baru boleh berjaya.

NS : Adakah Dr ingin generasi yang baru ini menerusi legasi sarang burung walet?

DWK : Sarang burung walet di Indonesia sudah ada seawal *lapan belas lapan puluh satu* [1881] di Indonesia. *Lapan belas lapan puluh satu* [1881] dan sekarang ini sudah ada *tujuh* [7] keturunan di Indonesia, sarang burung itu, keluarga dia itu usahakan. Jadi memang, kalau sarang burung ini kita boleh wariskan kepada generasi kita, anak-anak kita, kalau mereka tahu. Jadi memanglah sebab nak buat rumah burung bukan modal *dua* [2] atau *tiga* [3] *yaa* [ringgit], ratusan ribu juga. Jadi, *better* [baik] kalau dah ada bisnes ini, teruskan. Cuma yang nak baru buat ini, yang nak baru buat ni, mereka tak tahu potensinya. Kalau mereka tahu potensi ini, tak buat benda lain dah, buat rumah burung [senyum].

NS : Apakah harapan Dr mengenai rumah burung walet untuk masa yang akan datang?

DWK : Sarang burung walet telah bertahan sehingga *enam ratus* [600] tahun sekarang. Jadi industri yang *sustain* [mengekalkan] sehingga *enam ratus* [600] tahun, dia tidak akan mati dengan begitu mudah. Dia mungkin menggunakan *enam ratus* [600] tahun lagi lah kalau nak mati pun. Ataupun dia nak pupus pun. Jadi saya beranggapan selagi ada orang Cina di Malaysia atau di dunia ini, selagi itu lah ada orang yang makan sarang burung. Jadi, saya rasa tak ada masalah dari segi nak jual sarang burung.

NS : Apakah penambahbaikan dalam industri yang Dr harap dipertingkatkan?

DWK : Industri ini yang pertama kena tingkatan, dia ada banyak fasa. Pertama orang yang terlibat dalam burung walet ni kebanyakan orang melayu. Terlibat dalam

bahagian penghasilan produk sarang burung, membina rumah burung. Orang Cina terlibat dalam pelbagai orang tengah, ada juga orang Cina buat rumah burung pun. Tetapi kurang, mereka banyak kepada orang tengah dan mengeksport dan saya mengharapkan orang melayu bukan hanya *join* [sertai], bahagian pengeluaran pemasaran produk sahaja. Mereka juga boleh masuk segmen-segmen lain. Contohnya segmen penghasilan produk, macam saya buat ini (tunjuk produk). Sebab pengguna di Malaysia ni majoriti melayu, pembeli. Kita ada kelebihan disitu. Kelebihan yang pertama ialah penghasilan produk yang kita hasilkan senang dapat sijil halal, kita boleh guna status bumiputera, kemudian pembeli itu sendiri orang melayu. Kebanyakan produk-produk, barang dapur yang kita buat ini, berapa ramai orang melayu buat, berapa ramai berapa *kerat* [ramai] *je* [sahaja] orang melayu kita buat, yang banyak buat adalah daripada orang bukan melayu tetapi mereka dapat sijil halal kan? Jadi maka kita guna juga produk tu. Jadi sekarang ni saya mengharapkan orang melayu kita, banyak terlibat dalam bidang penghasilan produk bukan hanya terlibat dalam bidang pengeluaran sarang burung walet semata-mata. Sebab kalau kita terlibat dalam keseluruhan segmen itu, barulah kita kuat, barulah kita boleh menguasai industri itu secara menyeluruh. Kalau kita hanya bersifat menumpang sebahagian daripada sektor itu, jadi *anytime* [bila-bila masa] kita boleh jatuh. Tapi untungnya kita terlibat secara besar-besaran daripada bidang yang mula-mula tu. jadi kita tak ada, orang lain tak ada. Tapi sebenarnya dalam industri ini kita bergabung semua, semua pihak bergabung, pihak *pertama* [1], *kedua* [2] dan *ketiga* [3] itu primer, sekunder tertier itu bergabung kan. Cuma sekarang ini saya nampak orang melayu, banyak di bahagian produk, dia panggil apa *downstream* [hilir]. Bukan daripada produk-produk hiliran, tak banyak.

NS : Soalan saya seterusnya apakah nasihat yang Dr ingin sampaikan kepada generasi sekarang?

DWK : Emm, nasihat, nasihat secara umum ke nasihat dalam bisnes ni?

NS : **Dari segi pengusaha sarang burung walet.**

DWK : Okay, nasihat macam bagitahu tadi, nasihat dia ialah nak buat benda kena serius. Nak buat benda kena serius, nak serius kena sungguh-sungguh. Kemudian kejayaan tak akan datang dengan mudahlah, kita akan diuji (banyak kali tokoh ulang) dan apabila kita diuji dengan pelbagai berbagai ujian, kita kena ingat sentiasa ada cara mengatasinya. Dan kalau kita tidak boleh bersendirian, kita kena cari orang lain boleh tolong kita, dan kalau kita tak ada orang lain, kita kena bina *network* [rangkaian], *create* [buat] *network* [rangkaian] yang boleh tolong *support* [sokong] kita. Itu adalah salah satu cara nak keluar daripada cabaran yang kita hadapi. Jadi jangan kalau kita ada masalah dari segi nak buat nak majukan bisnes, jangan kita sendirian, cari *peering group* [kumpulan rakan sebaya], cari orang yang boleh bersama-sama kita dengan itu kita dapat majulah, insyaallah.

NS : **Apakah ada harapan Dr yang masih belum tercapai?**

DWK : Oh banyak. Harapan yang paling besar adalah nak masuk syurga. [ketawa]. Okay harapan saya ialah saya cuba nak - dari segi bisnes ni, kita nak eksport barang-barang kita, nak eksport produk-produk yang kita keluarkan ke luar negara. Itu antara harapan yang paling besar lah. Jadi cuma sekarang ni kerana faktor PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) lebih kepada *branding* [penjenamaam] dan bina *network* [rangkaian] dahulu. Jadi saya bekerja dalam ruang lingkup yang ada, dengan batasan dan *resources* [sumber] yang ada. Jadi kita bina sebanyak mungkin *network* [rangkaian] supaya dengan cara bina rangkaian tadi kita senang nak pergi kepada peringkat-peringkat berikutnya. Jadi saya nampak buat masa sekarang ini, dalam proses membina jaringan untuk ke *next step* [langkah seterusnya] lah. Nak kata saya ini seorang yang terlalu berjaya tak lah berjaya sangat cuma sentiasa dalam bisnes ini ada jatuh bangun macam *tu* [itu].

NS : Adakah Dr ingin perjuangkan harapan itu sehingga tercapai?

DWK : Ya, macam saya cakap barang nak, barang jadi (Man jadda Wajada) apabila kita nak sesuatu benda, kita kena usaha biar jadi. Sebab itu merupakan kaitan dengan *successively* [berturut-turut]. *Successively* [berturut-turut] ini ialah satu daya diri kita yang kita kena latih, kalau kita dah biasa melatih diri kita dengan kejayaan dan kita biasa dapat kejayaan. Kita tahu proses nak mendapat kejayaan itu macam mana. Kalau kita orang yang jarang biasa dapat benda berjaya, kita tidak tahu *step* [langkah] nak berjaya macam mana. Kita buat kosong, kita biasa berjaya, kita tahu setara mana usaha itu. Contohnya pernah dapat, *lapan* [8] A lah dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), kita tahu lah macam mana nak dapat A dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) kena usaha *level* [tahap] mana untuk dapat 8A. Jadi, apabila kita buat itu dia panggil *successively* [berturut-turut]. Kalau kita buat perniagaan pun. Oo aku nak berjaya luar biasa, maka kena buat dia punya usaha tu sampai macam yang pernah kita usaha nak dapat 8A dulu lah. Barulah kita dapat berjaya. Sebab itu penting kita mencipta kejayaan dalam hidup sebab kita nak merasai proses mencipta kejayaan. Itu dia panggil *successively* [berturut-turut].

NS : Okay, soalan terakhir daripada kami.

DWK : Oh Alhamdulillah

NS : [senyum] Pada pendapat Dr, apakah usaha atau aktiviti yang boleh dilakukan atau memperkenalkan sarang burung walet itu kepada orang ramai?

DWK : Emm, apa yang saya buat sekarang pun saya dah ke arah tu. Pertama saya memperkenalkan industri. Industri sebelum ini industri yang bernilai ratusan ribu ringgit nak bina dia, *lima ratus* [500] ribu, *tiga ratus* [300] ribu ringgit, apabila saya

buat PhD, saya kata *no* [tidak] rumah burung walet ini oleh buat bawah daripada *seratus* [100] ribu. Saya boleh buat bawah *seratus* [100] ribu. Maka saya membuat satu perikatan buat rumah burung walet dengan kos yang murah. Dan berjaya. Ok itu pertama. Kita mula mula memecah kepompom mengatakan industri sarang burung walet ini untuk orang kaya. Itu yang pertama. Kita boleh buat dengan harga *sepuluh* [10] ribu, *dua puluh* [20] ribu. Ikut bajet berapa yang kita ada. Ok kemudian, yang *kedua* [2] ialah kalau berkaitan dengan ilmu yang ilmu pun saya buat dalam bidang *training* [latihan]. Saya berkongsi ilmu, kemudian kalau segi produk ilmu tadi saya pusing satu Malaysia. Saya jumpa dengan Pia [Suzainie] ini pun dekat *airport* [lapangan terbang] masa saya buat *training* [latihan] di Sabah, Sarawak. Sabah Sarawak saya duduk pergi boleh kata setiap bulan main sabah Sarawak sabah Sarawak saya *duk* [pergi] bagi training. itu pun salah satu usaha saya bagaimana nak memperkenalkan nak memulakan sarang burung walet supaya orang kampung orang pedalaman, saya bukan tunggu orang pedalaman datang bandar, saya pergi ke kawasan pedalaman. Saya pergi ke kawasan Paitan, Belaga, Sungai Asap, Bakon, saya pergi ke sungai sungai, kawasan yang jauh pedalaman yang berbanding orang lain tidak pergi. Itu salah satu usaha saya buat supaya saya nak orang Asia Tenggara ni khasnya Borneo mengambil kesempatan mengambil peluang dalam bidang pengurusan burung walet ini. Jangan bagi dekat orang lain. Biar kita sendiri buat sebab ini hak kitalah. Hak Asia Tenggara. Itu berkaitan *knowledge* [pengetahuan], perkongsian *knowledge* [pengetahuan] sebab saya dikenali sebagai “Dr Wan Damak” dunia alam maya akhirat kekal. Ok itu Wan Damak. Kemudian kita terus juga buat produk. apabila saya buat produk, produk yang dihasilkan oleh orang kita kebanyakan produk *inmitiate* [bersekutu], tahu *immiatiate* [bersekutu]? Meniru produk orang Cina. Sedangkan lidah kita tidak sesuai dengan lidah cina, lidah orang Cina sesuai untuk orang Cina, dia makan lidah dia kan jadi kita kena buat produk yang sesuai dengan lidah melayu. Maka saya telah menghasilkan satu produk yang sesuai sengan lidah melayu. yang ramuan *ingredient* [bahan] dia sesuai dengan lidah orang Melayu. Bila orang Melayu makan dia kata ooo ini melayu punya masak ini melayu punya makanan. Orang Melayu kita kena faham pasal makanan, kalau orang Cina dia masak makanan dia,

dia guna banyak rebusan semua kena rebus. Walaupun dia makan *chopstick* [penyepit] tetapi dia suka rebus. Kuah dia minum gitu *je* [sahaja], dia tidak makan minum dengan chopstick kuah. Tapi nak cerita dia ialah satu bangsa yang suka makan rebusan. Air sarang burung dia rebus, mee dia rebus. Berkuah la berkuah. Orang Cina dia suka makan, makanan yang berkuah. Orang melayu pula maknanya dia ambil barang tadi dia masak dia rebus, kalau akar kayu dia rebus jadi akar kayu. Orang melayu pula dia makan mentah ulam. Dia buat ulam makan mentah. Kalau India pula, dia uli masak makanan, jadi itu jadi kari. Jadi dia punya segi konsep semua mengambil zat makanan yang sama Cuma apabila kita nak sesuaikan dengan lidah melayu kita kena guna cara teknik orang Melayu bukan bermaksud sarang burung walet itu nak makan mentah tak. Kita kena buat dengan cara yang sesuai supaya orang Melayu makan dia rasa ini tipikal orang Melayu punya masakan maka itu antara idea saya yang saya buat dalam produk ini [tunjuk produk]. Boleh?

NS : Okay, dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Dr Wan Khairy Wan Ibrahim di sepanjang berkhidmat sebagai Usahawan Sarang Burung Walet dari tahun 2010 hingga kini. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang usahawan sarang burung walet para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

DWK : Sama-sama [senyum]

TAMAT BAHAGIAN 7

RUJUKAN

RUJUKAN

Damak, W. (2011). Panduan Rinci Perladangan Burung Walit. Kota Bharu: Dian Darul Naim

Wan Khairy Wan Ibrahim. (2021, Jun 25). Personal interview

LAMPIRAN

LOG
WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Nur Syafika Binti Hasan dan Siti Nur Suzainie Binti Rosmi telah menemubual Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim, yang dilahirkan pada 1976, di Gersing, Raub Pahang. Temubual dijalankan di rumah masing-masing dengan menggunakan platform Google Meet. Temubual dijalankan bertujuan untuk mengetahui pengalaman beliau pada mula-mula berkecimpung dalam bidang usahawan sarang burung walet.

MASA	PERKARA	NAMA/TEMPAT DIRUJUK
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG		
00:00 - 01:00	Pengenalan	<ul style="list-style-type: none">• Nur Syafika Binti Hasan• Siti Nur Suzainie Binti Rosmi
01:00 – 06:30	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Dr Wan Khairy Bin Wan Ibrahim• Dilahirkan di Gersing Raub, Pahang• Dibesarkan di Pasir Mas, Kelantan• Hobi tokoh adalah membaca• Nama ibu dan ayah tokoh ialah Saudah Binti Mamat (ibu) dan Wan Ibrahim Bin Wan Ismail (ayah)• Tokoh merupakan anak ke-3 daripada 5 orang adik-beradik.• Nama isteri tokoh ialah Zurina Binti Ismail• Mempunyai 4 orang anak iaitu 3 orang lelaki dan 1 orang perempuan

BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN

06:31 – 10:42	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Rendah di Banggol Chicha.• Sekolah Menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ibrahim II• Mewakili Kelantan dalam Olahraga Silat dan menyertai debat.• Tamat belajar sekolah menengah pada tahun 1990• Menyambung pelajaran ke Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)• Sambung pengajian ijazah sarjana muda di Universiti Sains Malaysia (USM)
	Kenangan manis	<ul style="list-style-type: none">• Penulis sajak• Berkahwin dengan isteri

BAHAGIAN 3 : PEKERJAAN AWAL

10:43 – 20:04	Pekerjaan awal setelah tamat pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Bekerja sebagai pensyarah peribadi• Bekerja di Sunway University College di Ipoh• Kemudian bekerja di Masterskill College di Cheras• Mempunyai bakat menulis
---------------	--	---

		<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai bakat mencipta lagu • Pernah bekerja sebagai buruh di Singapura • Bekerja sebagai seorang penjual komputer, anak patung • Bekerja kilang di Penang • Bekerja sebagai guru sandaran • Bekerja sebagai seorang juruteknik komputer • Bekerja sebagai wartawan
--	--	---

BAHAGIAN 4 : PENGALAMAN KERJAYA

20.05 – 38:26	Pengalaman sebagai seorang usahawan sarang burung walet	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dalam bidang perunding rumah burung walet. • Sebagai pengeluar produk sarang burung walet
	Penglibatan dalam menguruskan bidang sarang burung walet	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat bonus daripada Masterskill sebanyak RM70,000 • Membuat penyelidikan mengenai rumah burung walet • Pada tahun 2006 atau 2008 tokoh mula masuk sebagai usahawan • Susun semua isi yang ada dekat blog itu maka terhasil satu buku • Tajuk buku “Panduan Rinci Perladangan Burung Walet”

	Dorongan	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat dorongan daripada isteri, ibu, keluarga dan anak-anak • Pihak kerajaan adalah jabatan veterinar
	Bermula minat dengan usahawan sarang burung walet	<ul style="list-style-type: none"> • Bermula dari zaman sekolah • Tokoh seorang yang suka berfikir • Berjinak-jinak melastik burung • Tonton rancangan televisyen iaitu Majalah 3 • Tunjuk satu aktiviti sub etnik kaum Adhan di Sabah yang memungut sarang burung walet di gua
	Bekerjasama dengan tokoh mendirikan rumah burung walet	<ul style="list-style-type: none"> • Rakan-rakan tokoh • Pada peringkat awal tokoh meneroka sendiri • Tokoh sendiri pergi masuk melawat rumah burung di tepi jalan • Jabatan Veterinar dan Jabatan Perhilitan juga memberi kerjasama • Reka bentuk rumah burung tokoh buat sendiri
	Pandangan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Pandangan ibu bapa adalah baik jika dapat memikul tanggungjawab

		sebagai seorang suami atau seorang bapa
	Menjadi seorang yang pakar dalam bidang ini	<ul style="list-style-type: none"> • Mestilah rajin • Pertama, kena berdoa • Kedua, berusaha • Seterusnya, buat penyelidikan

BAHAGIAN 5 : USAHAWAN SARANG BURUNG WALET

38:27 – 1:00:41	Rumah burung walet	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai satu buah rumah burung walet di Pasir Mas • Membina rumah burung walet atas tanah sendiri • Tokoh telah selia 35 buah rumah burung walet di Gua Musang • Tokoh menjaga rumah burung walet ini sendirian • Purata hasil sebulan dalam 8 hingga 10 kilogram • Keuntungan setahun lebih kurang RM360,000 • Proses jual dan juga jual mentah • Permintaan tinggi dari negara China • Biasanya jual di Machang, Kelantan ataupun Gua Musang • Pelanggan dan pengguna terbesar adalah orang China
-----------------	--------------------	--

		<ul style="list-style-type: none"> • Tempatan lebih kepada kosmetik
	Peristiwa tidak dapat dilupakan	<ul style="list-style-type: none"> • Mencipta sistem Autosmart • Sistem ini berfungsi sendiri tanpa jagaan • Banyak menggunakan moto dan elektrik tetapan sebagai asas komputer • Buat tetapan automatik • Elektronik ini sangat sensitif terhadap kelembapan tinggi sebanyak 85 peratus • Rumah burung walet hampir hangus kerana berlaku renjatan elektrik • Serangan musuh daripada burung hantu

BAHAGIAN 6 : SUMBANGAN

1:00:42 – 1:06:37	Sumbangan kepada keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Dapat proses menurunkan ilmu kepada anak-anak
	Sumbangan kepada ibu bapa	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan tanggungjawab sebagai seorang anak
	Sumbangan kepada masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Buat latihan, buat perundingan dan perkongsian secara langsung.

BAHAGIAN 7: HARAPAN

1:06:37 – 1:21:38	Harapan tokoh	<ul style="list-style-type: none">• Mereka dapat meningkatkan hidup mereka dengan cara yang lebih baik• Mereka dapat meningkatkan taraf kualiti hidup dan semakin maju• Di Indonesia sudah ada seawal 1881• 7 keturunan di Indonesia• Sarang burung walet telah bertahan selama 600 tahun sekarang• Tingkatkan orang yang terlibat dalam burung walet ini adalah orang melayu• Nak buat sesuatu mestilah serius dan bersungguh-sungguh• Nak eksport barang-barang ke luar negara
1:21:39 – 1:22:20	Penutup	<ul style="list-style-type: none">• Bersurai

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
5.39 PM	19 Mei 2021	WhatsApp Menghantar whatsapp kepada tokoh untuk kali pertama. Whatsapp adalah untuk memohon persetujuan tokoh untuk ditemuramah.	Menerangkan secara umum tentang temuramah yang akan diadakan dan memberitahu bahawa platform yang digunakan adalah melalui Google Meet.
12.01 PM	20 Jun 2021	Menghantar set soalan yang akan digunakan semasa temuramah kepada tokoh melalui aplikasi whatsapp.	Membincangkan tarikh untuk temuramah bersama tokoh melalui aplikasi whatsapp dan memberitahu tokoh temuramah dijalankan selama 2 jam.
9.00 AM-11.00 AM	25 Jun 2021	Temuamah dijalankan di rumah masing-masing. Kami menyediakan soalan yang mengikut kronologi.	Temuramah dijalankan dengan menggunakan aplikasi Google Meet selama 2 jam.

SENARAI SOALAN

SOALAN-SOALAN SEBELUM TEMURAMAH

A. Latar Belakang

1. Apakah nama penuh Dr?
2. Apakah nama panggilan Dr ataupun nama gelaran Dr?
3. Berapakah umur Dr?
4. Dimanakah tempat Dr dibesarkan?
5. Dimanakah tempat tinggal Dr sekarang?
6. Apakah hobi Dr?
7. Adakah Dr telah mencapai cita-cita Dr?
8. Siapakah nama ibu Dr?
9. Siapakah nama bapa Dr?
10. Berapakah adik-beradik Dr?
11. Dr anak keberapa?
12. Siapakah nama pasangan Dr?
13. Apakah pekerjaan isteri Dr?
14. Berapa orang cahaya mata Dr?
15. Berapa lelaki dan berapa perempuan?

B. Sejarah Pendidikan

1. Dimanakah Dr memulakan Pendidikan awal?
2. Pada tahun berapakah Dr mulakan Pendidikan awal itu?
3. Dimanakah pula Dr bersekolah rendah?
4. Pada tahun berapakah Dr mula sekolah rendah?
5. Adakah Dr sentiasa aktif di peringkat sekolah rendah?
6. Dimanakah pula Dr bersekolah menengah?
7. Pada tahun berapakah Dr mula sekolah menengah?
8. Apakah kelab yang Dr pernah ikuti semasa sekolah menengah?
9. Pada tahun berapakah Dr tamatkan sekolah menengah?
10. Dimanakah Dr menyambung pelajaran?
11. Apakah jurusan/bidang yg Dr pelajari?

12. Adakah pencapaian terbaik yang pernah Dr perolehi di universiti?
13. Adakah program yang pernah Dr ikuti semasa di peringkat universiti?
14. Adakah Dr seorang yang aktif semasa di peringkat universiti?
15. Adakah kenangan manis yang Dr ada semasa di peringkat pengajian?

C. Pekerjaan Awal

1. Adakah Dr mempunyai pekerjaan awal setelah tamat pengajian?
2. Bilakah Dr memulakan pekerjaan awal tersebut?
3. Adakah pekerjaan awal Dr selepas tamat pengajian?
4. Adakah pekerjaan itu telah menjadi minat kepada Dr?
5. Berapa banyak pekerjaan yang Dr pernah lalui?
6. Adakah antara pekerjaan yang paling Dr minati?
7. Kenapakah Dr memilih pekerjaan tersebut?
8. Siapakah yang tawarkan pekerjaan itu kepada Dr?
9. Berapakah gaji yang paling banyak Dr dapat pada masa itu?
10. Berapakah pula gaji yang paling sedikit Dr dapat pada masa itu?

D. Pengalaman Kerjaya

1. Adakah pekerjaan Dr pada masa sekarang?
2. Bagaimanakah Dr boleh melibatkan diri dalam menguruskan sarang burung walet?
3. Bilakah Dr menceburi bidang usahawan ini secara langsungnya?
4. Adakah Dr mendapat dorongan daripada mana-mana pihak?
5. Bilakah Dr mula minat dalam mengusahakan sarang burung walet ini?
6. Mengapakah Dr berminat untuk terlibat dalam kerjaya ini?
7. Siapakah yang bekerjasama dengan Dr semasa mendirikan sarang burung walet itu?
8. Adakah pandangan keluarga mengenai kerjaya Dr pada masa sekarang?
9. Berapakah pendapatan kasar Dr pada masa sekarang?
10. Bagaimanakah untuk menjadi seorang yang pakar dalam usahawan sarang burung walet?

E. Usahawan Sarang Burung Walet

1. Adakah Dr mempunyai rumah burung walet tersendiri?
2. Dimanakah rumah burung walet itu dibangunkan?
3. Berapa banyak rumah burung walet yang telah ada pada masa ini?
4. Adakah Dr menyewa bangunan untuk dijadikan rumah burung walet?
5. Berapakah sewa sebulan sebuah rumah burung walet?
6. Berapa banyak ekor burung walet yang ada pada masa sekarang?
7. Berapa banyak hasil sebulan yang Dr dapat?
8. Berapa banyak keuntungan setahun yang Dr perolehi?
9. Dimanakan Dr memproses sarang burung walet ini?
10. Dimanakah Dr memasarkan sarang burung walet ini?
11. Siapakah pelanggan utama Dr dalam pembelian sarang burung walet?
12. Bagaimanakah rumah burung walet ini berkembang?
13. Apakah keunikan rumah burung walet itu?
14. Bagaimanakah pengetahuan Dr mengenai prospek dalam bidang ini?
15. Apakah peristiwa yang Dr tidak boleh dilupakan mengenai rumah burung walet ini?
16. Adakah rumah burung walet itu mempunyai nama tersendiri?
17. Apakah pengalaman bersama rumah burung walet yang masih lagi diingat sehingga kini?
18. Berapa kali Dr melawat rumah burung walet itu dalam sebulan?
19. Apakah pengalaman pahit sepanjang mengendalikan rumah burung walet ini?

F. Sumbangan

1. Apakah sumbangan Dr kepada keluarga?
2. Bagaimanakah Dr menyalurkan sumbangan tersebut kepada keluarga?
3. Adakah keluarga Dr bangga terhadap sumbangan yang pernah Dr sumbangkan?
4. Adakah dengan memberi sumbangan kepada keluarga ia dapat memberi kesan kepada pengusahaan Dr?
5. Apakah pula sumbangan Dr kepada masyarakat?
6. Bagaimanakah Dr menyalurkan sumbangan tersebut kepada masyarakat?

7. Adakah dengan memberi sumbangan kepada masyarakat ia dapat memberi kesan kepada perusahaan Dr?
8. Adakah sumbangan Dr kepada negara?
9. Bagaimanakah Dr menyalurkan sumbangan tersebut kepada negara?
10. Adakah dengan memberi sumbangan kepada negara ia dapat memberi kesan kepada perusahaan Dr?

G. Harapan

1. Adakah harapan Dr terhadap golongan masyarakat?
2. Bagaimanakah Dr memastikan harapan tersebut dijalankan?
3. Mengapakah Dr mengharapkan harapan tersebut dijalankan dengan baik?
4. Adakah ianya memberikan kesan positif terhadap perusahaan Dr?
5. Adakah Dr mempunyai harapan terhadap generasi sekarang yang berkecimpung di dalam bidang ini?
6. Adakah Dr ingin generasi sekarang meminati bidang usahawan sarang burung walet?
7. Adakah Dr ingin generasi baru meneruskan legasi sarang burung walet ini?
8. Adakah harapan Dr mengenai sarang burung walet untuk masa yang akan datang?
9. Adakah penambahbaikan yang Dr harap dipertingkatkan?
10. Adakah nasihat yang Dr ingin sampaikan kepada generasi sekarang?
11. Adakah ada harapan Dr yang masih belum tercapai?
12. Jika ya, adakah Dr ingin memperjuangkan sehingga tercapai?
13. Adakah harapan itu sangat penting bagi Dr?
14. Adakah ia memberi kesan positif terhadap Dr, masyarakat dan negara?
15. Pada pendapat Dr, adakah usaha atau aktiviti yang boleh dilakukan untuk memperkenalkan sarang burung walet terhadap orang ramai?

SOALAN-SOALAN SELEPAS TEMURAMAH

A. Latar Belakang

1. Apakah nama penuh Dr?
2. Apakah nama panggilan Dr ataupun nama gelaran Dr?
3. Dimanakah tempat Dr dibesarkan?
4. Apakah hobi Dr?
5. Adakah Dr telah mencapai cita-cita Dr?
6. Siapakah nama ibu Dr?
7. Siapakah nama bapa Dr?
8. Berapakah adik-beradik Dr?
9. Siapakah nama pasangan Dr?
10. Apakah pekerjaan isteri Dr?
11. Berapa orang cahaya mata Dr?

B. Sejarah Pendidikan

1. Dimanakah Dr memulakan pendidikan awal?
2. Adakah Dr sentiasa aktif di peringkat sekolah?
3. Pada tahun berapakah Dr tamatkan sekolah menengah?
4. Dimanakah Dr menyambung pelajaran?
5. Apakah kenangan manis yang Dr ada semasa di peringkat pengajian?

C. Pekerjaan Awal

1. Apakah pekerjaan awal setelah tamat pengajian?
2. Adakah pekerjaan itu menjadi minat kepada Dr?
3. Berapa banyakkah pekerjaan yang Dr pernah lalui?
4. Adakah Dr paling minat menjadi seorang pengajar?
5. Mengapakah Dr memilih pekerjaan tersebut sebagai minat?
6. Siapakah yang tawarkan pekerjaan itu kepada Dr?
7. Berapakah gaji yang paling banyak Dr dapat masa itu?

D. Pengalaman Kerjaya

1. Apakah pekerjaan Dr pada masa sekarang?
2. Bagaimanakah Dr boleh melibatkan diri dalam menguruskan sarang burung walet?
3. Bilakah Dr menceburi bidang usahawan ini secara langsungnya?
4. Adakah Dr mendapat dorongan daripada mana-mana pihak?
5. Bilakah Dr mula minat dalam mengusahakan sarang burung walet ini?
6. Siapakah yang bekerjasama dengan Dr semasa mendirikan sarang burung walet itu?
7. Apakah pandangan keluarga mengenai kerjaya Dr pada masa sekarang?
8. Berapakah pendapatan kasar Dr pada masa sekarang?
9. Bagaimanakah untuk menjadi seorang yang pakar dalam usahawan sarang burung walet?

E. Usahawan Sarang Burung Walet

1. Adakah Dr mempunyai rumah burung walet sendiri?
2. Berapa banyak rumah burung walet yang telah ada pada masa ini?
3. Adakah Dr menyewa bangunan untuk dijadikan rumah burung walet?
4. Berapa orang pekerja yang Dr ada sekarang?
5. Berapa banyak hasil sebulan yang Dr dapat?
6. Berapa banyak keuntungan setahun yang Dr perolehi?
7. Dimanakan Dr memproses sarang burung walet ini?
8. Dimanakah Dr memasarkan sarang burung walet ini?
9. Siapakah pelanggan utama Dr dalam pembelian sarang burung walet?
10. Bagaimanakah rumah burung walet ini berkembang?
11. Apakah keunikan rumah burung walet itu?
12. Bagaimanakah pengetahuan Dr mengenai prospek dalam bidang ini?
13. Apakah peristiwa yang Dr tidak boleh dilupakan mengenai rumah burung walet ini?
14. Adakah rumah burung walet itu mempunyai nama tersendiri?
15. Apakah pengalaman bersama rumah burung walet yang masih lagi diingat sehingga kini?
16. Berapa kali Dr melawat rumah burung walet itu dalam sebulan?

F. Sumbangan

1. Apakah sumbangan Dr kepada keluarga?
2. Apakah sumbangan kepada ibu bapa Dr?
3. Adakah dengan memberi sumbangan kepada masyarakat ia dapat memberi kesan kepada pengusahaan Dr?
4. Apakah sumbangan Dr kepada negara?

G. Harapan

1. Apakah harapan Dr terhadap golongan masyarakat?
2. Adakah Dr ingin generasi baru meneruskan legasi sarang burung walet ini?
3. Apakah harapan Dr mengenai sarang burung walet untuk masa yang akan datang?
4. Apakah penambahbaikan yang Dr harap dipertingkatkan?
5. Apakah nasihat yang Dr ingin sampaikan kepada generasi sekarang?
6. Apakah ada harapan Dr yang masih belum tercapai?
7. Jika ya, adakah Dr ingin memperjuangkan sehingga tercapai?
8. Adakah ia memberi kesan positif terhadap Dr, masyarakat dan negara?
9. Pada pendapat Dr, apakah usaha atau aktiviti yang boleh dilakukan untuk memperkenalkan sarang burung walet terhadap orang ramai?

**SURAT
PERJANJIAN**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya WAN KHAIRY BIN WAN IBRAHIM. K/P: pada **25 JUN 2021** dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tdak perlu disemak oleh tokoh (nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Wan Khairy bin Wan Ibrahim)

Abdullah) Tarikh: 25 Jun 2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

GAMBAR



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

INDUSTRI SARANG BURUNG WALET: POTENSI BESAR PERNIAGAAN SENDIRI

Bersama
Dr. Wan Khairy bin Wan Ibrahim
Pensyarah Kanan
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

**1 SEPTEMBER 2020 (SELASA)
9:30 PAGI**

Siaran temubual bersama:

Entrepreneurship @ Trust

astro
AWANI

SARANG BURUNG WALET

PERMATA TERSEMBUNYI

Panel Jemputan

DR. WAN KHAIRY BIN WAN IBRAHIM
PENSYARAH KANAN
FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Selasa, 21 Julai 2020
08.30 pagi

REALITI RAKYAT

Tonton di Saluran 501 dan www.astroawani.com

Kursus Industri Sarang Burung Walit

Dr. Wan Damak

Industri Sarang Burung Walit Berimpak Tinggi

"RUMAH WALIT JANA DUIT"

MODUL

Kursus asas Industri
Sarang Burung Walit
berimpak Tinggi dan
Rumah Burung Walit (RBW)

KEARAH LEGASI
KELUARGA
BEJAYA

1.

Pemilihan
Lokasi

2.

Penyediaan
Rumah RBW

3.

Keperluan
Rumah RBW

4.

Pengurusan
RBW

PERCUMA


Untuk maklumat lanjut,
silalah hubungi:
010-333-3333

Anggaran

Wan Damak Empire

(KT0480314-M)

Panduan Rinci Perladangan
BURUNG WALIT
WAN DAMAK



Kursus Industri Sarang Burung Walit

Tarikh: 27 Mei 2017 (Sabtu) Masa: 8.00 pagi-4.00 ptg

Tempat: Dewan Serbaguna Beluran

Yuran: Bayaran Awal sebelum 15 Mei 2017 RM120.00

Daftar Lewat RM200.00

Percuma 1 suara test lokasi dan panggil (bawa pendrive)

Penceramah:

Dr. Wan Damak

(PhD) Kelestarian Industri Sarang Burung Walit (UMK)

Ringkasan Module

1. Pemilihan lokasi
2. Struktur Bangunan
3. Keperluan Audio (Suara)
4. Penyelenggaraan RBW

Hubungi :

Dr. Wan Damak: 017- 978 4268

Mirsoh Ampak: 019-490 2363

Razali: 011-1957 3607

Tuan Aspar: 011-2986 8432

INDEKS

INDEKS

A

Auto.....23
Autosmart.....23

B

Bakat.....7, 9, 11, 36
Banggol.....5, 36
Bonus.....7, 11, 14, 37

C

Cameraman.....8
Ceramah.....12, 13, 26
Cikgu.....13, 14
Cina.....19, 21, 22, 28, 32
College.....6, 7, 8, 36
Computer.....37,40

D

Damak.....32
Design.....15, 26
Dorongan.....13, 38, 44
Duit.....5, 7, 8, 11, 14
Dunia.....21, 22, 27, 28, 32

E

Eksport.....19, 30, 41
Elektrik.....23, 40
Elektronik.....23, 40
Etnik.....13, 14, 38

G

Gua.....13, 14, 17, 19, 22, 38, 39

H

Hantu.....23, 24, 40
Hidup.....1, 16, 22, 27, 31, 41

I

Idea.....7, 8, 13, 22, 33
Impian.....10
Impress.....7, 12

J

Jaringan.....30

M

Machang.....19, 39
Mahir.....16
Makan.....13, 20, 21, 22, 28, 32, 44
Malaysia.....5, 6, 8, 9, 12, 13, 21, 26, 28
Mati.....16, 22, 24, 28
Masterskill.....6, 7, 11, 14, 36, 37
Melayu.....12, 28, 29, 32, 33, 41
Mimpi.....10

N

Nampak.....15,21,29,30
Network.....15, 30

P

Panduan.....	12, 37
Perlindungan.....	12, 37
Platform.....	1, 35, 42
Principal.....	6
Produk.....	11,15, 16, 19, 21, 28, 29, 30

R

Rinci.....	12, 37
------------	--------

S

Shock.....	23, 24
Sifar.....	27
Sumber.....	9, 16, 20, 21, 27, 30
Survey.....	14

T

Takut.....	10, 23, 24, 26
Tinjauan.....	14
Tokoh.....	1, 2, 35, 37, 39, 41, 42, 46

U

Unclean.....	18
Universiti.....	6, 7, 8, 9, 14, 36, 46

W

Wawancara.....	35
----------------	----

Z

Zalim.....	24
------------	----